Association of Researcher of Skills and Vocational Training, Malaysia

ANP-JSSH

ISSN: 2773-482X, e-ISSN 2785-8863
DOI: https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3sp.7.2022

Ritual *Pelian* Budaya Masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Bintulu Sarawak

Tugau, Mangai[1], Magiman, Mohamad Maulana[2*], Kundat, Franklin Ragai[3] & Salleh, Norhuda[4]

[1,2]Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia Bintulu, 97008 Bintulu, Sarawak, MALAYSIA

[3] Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan, Universiti Putra Malaysia Bintulu, 97008 Bintulu, Sarawak, MALAYSIA

[4] Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

*Corresponding author email: mdmaulana@upm.edu.my

Received: 03 February 2022; Revised: 24 February 2022; Accepted: 25 February 2022; Available Online: 11 March 2022

Abstrak: Pelian merupakan upacara pemisahan roh antara orang mati dan masyarakat hidup dalam kalangan masyarakat Iban yang sangat menjunjung tinggi pengarap lama (animism). Ritual ini mempunyai beberapa objektif seperti mimpi ngeri (jai hambar), untuk menyembuhkan pesakit, pemisahan roh antara orang mati dan masyarakat yang masih hidup dan proses pentahbisan untuk dukun baru (Manang). Proses Pelian hanya boleh dilakukan oleh Manang (bomoh) dengan objektif, adat dan tradisi yang berbeza mengikut jenis Pelian yang akan dilakukan. Kepercayaan terhadap ritual Pelian bermula dari kepercayaan Iban bahawa dunia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu dunia ini, dunia orang mati (Sebayan) dan dunia di langit. Semasa proses Pelian, Manang sedang berhadapan dengan Raja Menjaya (Raja Manang) untuk mendapatkan kuasa penyembuhan dan pemisahan roh antara orang mati dan masyarakat hidup. Daripada bilangan Pelian tersebut terdapat 56 jenis Pelian, dan yang biasa dilakukan ialah Pelian Beserara Bungai (Pemisahan Roh), Besudi (untuk memastikan kesusahan), Nimang Lupung Enggau Ubat (berkat alat perubatan Manang), Bebunuh (untuk membunuh buyu atau incubus), Bebangun enggau Betimba (mengamula atau melantik dukun baru) enggau Mulai ke Semengat (menyelamat jiwa penyabar). Fokus kajian ini adalah mengkaji proses ritual Pelian dan menganalisis simbol yang berkaitan. Mengenal pasti unsur-unsur dalam Pelian yang telah menjadi identiti Masyarakat Iban. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif (etnografi) yang merangkumi Kajian Lapangan, Pemerhatian Peserta, Temu Bual dan Kajian Perpustakaan. Kawasan kajian meliputi seluruh daerah Sebauh yang meliputi kawasan Sungai Sebauh, Sungai Pandan-Binyo, Sungai Labang dan Sungai Tubau-Jelalong. Data yang diperoleh, dianalisis berdasarkan tafsiran, deskriptif, induksi, Grounded Theory dan juga kepercayaan dan pemahaman masyarakat yang dikaji. Antara dapatan kajian ini ialah, Pelian ialah ritual penyembuhan untuk menguatkan ayu (core being) seseorang dan memisahkan roh orang mati dengan masyarakat hidup. Setiap Pelian mempunyai fungsinya sendiri dan ia berbeza antara satu sama lain. Pelantikan (inisiasi) Manang terdiri daripada dua cara iaitu pelantikan yang dibuat oleh Petara atau Tuhan melalui mimpi dan pewarisan daripada ibu bapa atau ahli keluarga yang lain. Keunikan Manang dalam proses Pelian ialah kebolehannya berkomunikasi dengan Petara atau Dewa di Sebayan (Dunia Kematian) dan di langit. Terdapat banyak jenis simbol yang digunakan dalam proses Pelian seperti piring (persembahan kepada Tuhan), pua kumbu' (selimut tenunan), pisau, anak kebuk (balang kecil), manuk (ayam), kain sarung (jalur kain yang dipakai bulat). badan), pagar api (struktur yang sangat simbolik yang membentuk pusat ritual). Keunikan proses dan simbol yang digunakan telah menjadikan Pelian menjadi identiti Masyarakat Iban.

Kata Kunci: Ritual, Pelian, Identiti, Simbol, Masyarakat Iban

Abstract: Pelian is a healing and spirit separation ritual between the dead and the living community among the Iban who are strongly upholding *pengarap lama* or *animism.* The ritual *Pelian* has a few objectives such as to insipid *mimpi jai* or nightmare, to heal patient, separation of spirit between the dead and the living community and the process of initation or ordination for a new *Manang* or shaman. The process of Pelian can only be performed by *Manang* or shaman with different objectives, customs and traditions according to the types of *Pelian* to be performed. The belief towards ritual *Pelian* started from the Iban believed that the world is divided into three parts namely this world, World

*Corresponding author email: *mdmaulana@upm.edu.my*
https://www.arsvot.org/ All right reserved.

of the Dead (*Sebayan*) and World in the sky. During the process of *Pelian*, the *Manang* or shaman is dealing with Raja Menjaya (King of *Manang*) to gain the healing power and the separation of spirit between the dead and the living community. There are fifty-six (56) types of *Pelian*. From those number of *Pelian*, the common *Pelian* performed are *Pelian Beserara Bungai* (Separation of Spirit), *Besudi* (to ascertain the distress), *Nimang Lupung Enggau Ubat* (a blessing on *Manang's* medical kits), *Bebunuh* (to kill *buyu* or incubus), *Bebangun enggau Betimba* (to initiate or to ordinant new shaman) and *Mulai ke Semengat* (to rescue the patient soul). The main focus of this article is to make a research on the ritual process of *Pelian* and to analyze the related symbols. Apart from that, it is to identify elements in *Pelian* which has become an identity to the Iban Community. This research was carried out by using qualitative method (ethnography) which includes Field Research / Field Work, Participant Observation, Interview and Library Research. The research area covers the whole of Sebauh District which includes area of Sebauh River, Pandan-Binyo River, Labang River and Tubau-Jelalong River. The data collected then being analyzed based on interpretive, descriptive, induction, Grounded Theory and also the believe and understanding of the community studied. Among the findings of this research are, *Pelian* is healing ritual to strengthen the *ayu* or 'core being' of a person and to separate the soul of the dead with the living community. Every *Pelian* is having its own functions and it differs from one another. The appointment or initation of *Manang* consist of two ways namely appointment or initation made by *Petara* or God through dream and inheritance from parents or other family members. The uniqueness of *Manang* or shaman in the process of *Pelian* is his ability to communicate with *Petara* or God in *Sebayan* (World of Death) and in the sky. There are many types of symbols used in the process of *Pelian* like *piring* (offering to God), *pua kumbu'* (woven blanket), knife, *anak kebuk* (small jar), *manuk* (chicken), *kain sarung* (strip of cloth worn round the body), *pagar api* (highly symbolic structure that forms the ritual centre). The uniqueness of its process and symbols used has made *Pelian* becomes the identity of Iban Community.

Keywords: Ritual, *Pelian*, Identity, Symbol, *Iban* community

1. Pengenalan

Pada zaman dahulu masyarakat Iban tidak mempunyai doktor atau pembantu pegawai kesihatan untuk menyembuhkan sebarang penyakit yang menjangkiti mereka. Oleh yang demikian, ritual *Pelian* yang dijalankan oleh *manang* merupakan satu-satunya cara untuk menyembuhkan pesakit (Freeman, 1992). Kepercayaan serta harapan masyarakat Iban terhadap *Pelian* pada ketika itu adalah amat tinggi dan menyebabkan ritual *Pelian* menjadi sangat berkesan atau efektif dalam urusan penyembuhan pelbagai jenis penyakit. Pada hari ini, ritual *Pelian* semakin berkurangan kerana gaya hidup berubah dibawa arus permodenan dalam bidang sains dan teknologi. Tambahan kepada itu, penyebaran pelbagai jenis kepercayaan (agama), terutamanya agama Kristian, telah mengubah corak pemikiran masyarakat Iban terutamanya golongan muda yang ada pada hari ini (Jensen, 1974). Ramai di kalangan masyarakat Iban yang kurang atau tidak percaya kepada seseorang yang jatuh sakit adalah disebabkan dimarahi oleh *antu*. Apabila mereka jatuh sakit, mereka akan pergi ke klinik atau hospital untuk mendapat khidmat penyembuhan oleh pembantu perubatan mahupun doktor. Disebabkan berkurangan bilangan masyarakat Iban yang menggunakan perkhidmatan penyembuhan oleh *manang*, maka dengan sendirinya bilangan *manang* pun turut berkurangan atau menghampiri kepupusan (Buda & Chuat, 2009). Walau bagaimanapun, golongan masyarakat Iban pada masa kini sepatutnya kekal mengingati kepentingan perkhidmatan *manang* yang di amalkan oleh kumpulan *manang* dalam kehidupan serta kepercayaan *pengarap lama* (animisme) yang telah dipraktikkan sejak zaman dahulu. Senikata *pelian* serta kemahiran dalam proses *pelian* sepatutnya disimpan dan diingati agar ianya menjadi pusaka serta identiti masyarakat Iban.

Ritual *pelian* berkait rapat dengan *pengarap lama* (animisme) yang telah menjadi kepercayaan di kalangan masyarakat Iban sejak berzaman yang lalu. Berdasarkan *pengarap lama* (animisme), dunia ini mempunyai tiga (3) bahagian, iaitu *dunia ini, langit* dan *sebayan*.

Dunia ini merujuk kepada bumi nyata yang di diami oleh manusia, binatang dan burung serta tumbuh-tumbuhan. Dunia ini turut di diami oleh pelbagai jenis *antu* yang berada di mana-mana walaupun jarang kelihatan secara nyata. Mereka menjelma dengan menyerupai binatang dan burung seperti kera, beruang dan burung helang. Selain daripada itu, *antu* menjelma melalui mimpi. Menurut kepercayaan nenek moyang, *antu* dan manusia sentiasa tinggal bersama-sama. *Antu'* berpisah dari manusia semasa dua orang adik beradik, iaitu Telichai dan Telichu mula berpisah di antara satu sama lain. Telichu menurunkan *antu* dan Telichai menurunkan manusia. *Antu* biasanya menganggu manusia kerana tersilap dan menganggap manusia sebagai binatang ataupun semasa manusia melakukan perbuatan yang salah, contohnya *puni'*, tersalah tutur kata yang melanggar pantang larang lalu roh mereka dikurung oleh *antu*. Dunia ini juga turut diganggu oleh *sebayan*. *Sebayan* juga tidak kelihatan secara nyata tetapi perbuatan mereka biasanya didengar atau dilihat dan di dalam mimpi. Oleh yang demikian, semasa manusia sakit, hanya *manang* yang mampu mengambil balik *semengat* (roh) mereka dari *antu sebayan* melalui *pelian* dan mengembalikan *semengat* (roh) kepada manusia yang membolehkan seseorang itu sembuh seperti sedia kala.

Dunia kedua adalah langit yang didiami oleh *Bunsu Petara* serta *Petara-Petara* lain yang boleh membantu manusia. Kumpulan *Petara* tersebut terdiri daripada Raja Durung bergelaran Lupung Tibang Bebaring serta isterinya Endu' Dara Talun Pelangka bergelaran Kuta Dinding Hari. Mereka melahirkan Raja Jembu yang duduk di Batu Tinggi' Dedinggai

yang juga dikenali sebagai Meta' Raja Pengibai serta isterinya Endu' Kumang Baku' Pelimbang. Mereka ini yang melahirkan Aki' Lang Sengalang Burung yang turut dikenali sebagai Aki' Jugu' Menaul Tuntung dan adik beradiknya seperti Raja Menjaya atau Manang Langgung, Raja Biku Bunsu Petara atau Pantan Inan Raja Jadia, Raja Selempeta' atau Selempetuh atau Selempandai, Gangga Ganggai yang juga dikenali sebagai Gangga' Gunggang yang dipanggil Anda Mara, Ini' Ini Rabung Hari ataupun Ini' Inda Rabung Menua dan Rangkang Kirai Raja Sua yang dipanggil Sepulang Gana. Masyarakat Iban juga turut menganggap mereka yang tinggal di Panggau Libau Lendat Dibiau Takang Isang seperti Keling, Bungai Nuing, Sempurai serta yang lain-lain sebagai *Petara* juga. Mereka yang tinggal di Gelung Batu Nakung Nyingit Nyingung Nyundang Nerabang seperti Kumang dan Lulung dianggap sebagai *Petara* di kalangan masyarakat Iban. *Petara* juga seperti *antu* dan *sebayan*, mereka bercakap melalui burung, binatang dan beberapa simbol di dunia ini atau di dalam mimpi. *Petara* sememangnya menjaga semua manusia. Dia menjaga nyawa, tubuh serta roh dan *ayu* semua manusia. Oleh yang demikian, sekiranya manusia jatuh sakit, mereka perlu di *pelian*, supaya *manang* menjemput lalu meminta pertolongan Raja Menjaya yang menjaga kesihatan manusia. *Petara* lain yang bersangkut paut dengan kebajikan serta kelihatan manusia seperti Selempetuh dan Selempandai yang sentiasa membantu, memelihara serta membuat atau mereka manusia. Sekiranya mereka sendiri tidak dapat hadir, mereka akan menghantar ubat-ubatan yang lengkap untuk membantu *manang*.

Dunia yang ketiga adalah dunia *sebayan*. Menurut cerita lama masyarakat Iban, dunia *sebayan* di diami oleh semua manusia yang telah meninggalkan dunia ini. Walaupun mereka telah meninggal dunia tetapi *semengat* (roh) mereka masih tinggal bersama manusia yang masih hidup di dunia ini. Itulah sebabnya apabila seseorang meninggal dunia, *semengat* (roh) mereka masih kembali ke dunia ini untuk melihat serta memerhatikan ahli keluarga yang telah ditinggalkannya. *Semengat* (roh) mereka kadang-kadang menganggu *ayu* dan kesihatan sahabat handai yang masih hidup. Itulah sebabnya *semengat* (roh) mereka yang telah mati wajib untuk dipisahkan melalui proses *pelian* yang dinamakan *beserara' bungai*. Apabila roh *sebayan* biasanya pergi bersama-sama roh manusia yang masih hidup dan itulah yang akan menyebabkan manusia akan jatuh sakit atau bermimpikan sesuatu yang tidak baik. Menurut apa yang dikatakan oleh *tukang sabak*, kawasan kediaman *sebayan* adalah di kawasan tebingan Sungai Batang Mandai Mati, satu dunia yang terletak di dalam tanah. Tempat kediaman mereka disusun atur mengikut jenis kematian yang dihadapi. Contohnya, wanita yang mati bersalin, mereka yang mati disebabkan sakit, mereka yang mati membunuh diri dan lain-lain lagi. Satu-satu jenis kematian akan ditempatkan mengikut kategori masing-masing. Komuniti di *sebayan* mempunyai ketua tersendiri seperti Raja Niram Lenggah Lenggan, Dara Rambai Geruda dan Indai Bilai. Itulah sebabnya pada setiap kematian perlu dipersembahkan *sabak bebuah* oleh *tukang sabak*. Roh *tukang sabak* akan pergi bersama *sebayan* yang lain untuk mengiringi roh si mati ke *sebayan*. Serupa juga dengan upacara *pelian*, roh manang akan pergi ke *sebayan* untuk mencari roh pesakit menerusi pelbagai kawasan serta meminta pertolongan dari *sebayan* yang lain untuk mengembalikan roh pesakit ke dunia ini.



(a) **(b)**

(c)

Rajah 1: (a) *Manang* bersedia untuk proses *pelian;* (b) *Manang* sedang menjalankan proses *pelian; (c) Manang* bersama tangkalnya (*pengaruh*)

1.1 Objektif Kajian

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji tentang simbolisme dalam ritual *pelian* masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Sarawak. Penyelidikan ini diharap dapat memenuhi objektif-objektif yang digariskan seperti berikut:

a. Mengkaji proses ritual *pelian* masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Sarawak.
b. Mengenal pasti elemen-elemen simbol dalam ritual *pelian* masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Sarawak.
c. Menganalisis simbol-simbol dalam ritual *pelian* masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Sarawak.

1.2 Permasalahan Kajian

Pada dasarnya, istiadat pelian hanya boleh dilaksanakan oleh *manang*. Menurut Sather (2015), terdapat 56 jenis *pelian* yang digunakan di kalangan masyarakat Iban. Setiap jenis *pelian* mempunyai tujuannya yang berbeza (tersendiri) dan ditentukan oleh *manang* yang bakal menjalankan *pelian* tersebut. Di antara 56 jenis *pelian*, ada yang lebih kerap digunakan dan yang lain pula amat jarang sekali dipersembahkan. Di antara *pelian* yang paling kerap digunakan adalah *Pelian Beserara Bungai, Besudi' Nimang Lupung, Mulai ke Semengat, Nimang Lupung Enggau Ubat (Besampu'), Belimbu' Enggau Betawai dan Bebangun. Pelian-pelian* yang lain seperti *Pelian Nyala, Pelian Sarak, Pelian Belangkau* serta yang lain-lain amat jarang sekali digunakan. Jenis *pelian* yang akan digunakan bergantung kepada jenis penyakit dan tujuan *pelian* diadakan. *Manang* terlebih dahulu melakukan proses *begama'* sebelum mendengar penerangan tentang mimpi si pesakit (sekiranya ada). Selepas itu, manang akan meninjau *semengat* (roh) menggunakan *Batu Ilau* atau *Batu Aras*, barulah jenis *pelian* ditetapkan.

Permasalahan pertama yang akan dibuat oleh pengkaji adalah tentang bagaimana proses *pelian* diuruskan oleh orang yang akan di*pelian* dan *manang* yang akan menjalankan *pelian*. Proses ini meliputi tiga peringkat iaitu peringkat pra-*pelian* (*begama'*) dan membuat tinjauan menggunakan *batu ilau* untuk menentukan dimana lokasi *semengat* (roh) si pesakit serta persediaan pelbagai peralatan sebelum proses *pelian* sebenar dijalankan. Peringkat kedua adalah proses persembahan *pelian* dari mula sehingga ke penamat. Peringkat ketiga adalah merupakan proses *manang* menjelaskan segala dapatan *pelian* kepada ahli keluarga yang mempunyai *pelian*. Contohnya, adakah *pelian* yang lebih tinggi darjatnya diperlukan atau tidak. Sekiranya perlu, maka satu lagi upacara *pelian* yang lebih tinggi darjatnya dijalankan dalam tempoh masa yang terdekat.

Kedua adalah untuk mengkaji simbol-simbol terkandung pada setiap peralatan yang digunakan oleh *manang* seperti *pua kumbu', ayam, kebuk, parang, piring, mayang pinang, kain sarung* dan pelbagai lagi alatan yang diperlukan semasa *pelian* dijalankan. Sememangnya setiap simbol membawa pengertian serta tujuannya yang berbeza-beza serta membawa darjat kepentingan yang berlainan. Turut dikaji adalah apakah implikasinya kalau sesetengah simbol tidak disediakan atau tersalah sediakan.

Permasalahan ketiga di dalam kajian ini adalah untuk melihat kepada elemen-elemen dalam *pelian* yang mempunyai hubungkait dengan unsur-unsur ketuhanan (*petara*). *Pengarap lama* (animisme) di kalangan masyarakat Iban telah memperlihatkan kepercayaan masyarakat Iban yang mempercayai bahawa dunia ini mempunyai tiga bahagian iaitu *dunia ini, langit* dan *sebayan*. Bertitiktolakan kepercayaan tersebut maka peranan *manang* telah banyak berkomunikasi serta berurusan dengan komuniti di langit dan *sebayan*. Di langit, *manang* perlu berurusan dengan *Bunsu Petara* dan *Petara-petara* yang lain. Kumpulan *petara* yang perlu dirujuk adalah Raja Durung yang bergelaran Lupung Tibang Bebaring dan isterinya Endu' Dara Talun Pelangka yang bergelaran Kuta Dinding Ari. Di dunia ketiga pula, *manang* perlu berkomunikasi serta berurusan dengan ketua *sebayan* bernama Raja Niram untuk memperoleh bantuan serta sokongan bagi membantu komuniti yang masih hidup agar sentiasa kekal dalam kehidupan yang sempurna serta aman damai. Urusan *manang* di langit dan *sebayan* disampaikan melalui proses *pelian* yang menggunakan senikata tersendiri seperti pada seni kata *pelian*. Hanya *manang* dan kumpulan *petara* yang berada di langit dan juga di *sebayan* yang boleh memahami maksud di dalam senikata *pelian*. Senikata dalam *pelian* menyamai senikata dalam *sabak bebuah* di mana bahasa dalam digunakan. Di dalam senikata *pelian*, ianya berbentuk rayuan, permohonan dan pujian supaya para *petara* yang mendengar merasa gembira dan bermurah hati terhadap pemohon dan menunaikan permintaan oleh *manang*.

2. Tinjauan Literatur

Masyarakat Iban adalah kumpulan etnik yang mempunyai bilangan terbesar di Sarawak. Sensus Penduduk Sarawak tahun 2010 menunjukkan bilangan masyarakat Iban di Sarawak adalah kira-kira 1,000,000 orang, lebih kurang 40% dari jumlah penduduk di negeri Sarawak. Masyarakat Iban adalah etnik keempat terbanyak di Malaysia selepas Melayu, Cina dan India. Tempat kediaman masyarakat Iban meliputi seluruh 31 Daerah di Sarawak, 6 Daerah di Johor, Kalimantan Barat, Sabah (Tawau) dan Brunei. Di samping peningkatan bilangan yang berhijrah ke kawasan perbandaran, kebanyakan daripada masyarakat Iban masih tinggal di rumah panjang sepanjang sungai utama dan anak-anak sungai di kawasan pedalaman dan kawasan persisiran laut di beberapa daerah.

Melihat kepada aspek kepercayaan masih terdapat sebilangan masyarakat Iban yang masih berpegang teguh terhadap kepercayaan animisme yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Sebelum kedatangan agama Kristian, masyarakat Iban tidak mengamalkan sebarang kepercayaan tetapi mengamalkan cara hidup tanpa agama (pagan) yang mempunyai cara hidup yang berkait rapat dengan kosmologi. Sepertimana yang dikatakan oleh Appell (2001), dunia

masyarakat Iban berkait rapat dengan manusia, Tuhan dan roh dalam bentuk berterusan dan pelbagai aspek di dunia ini diterima melalui perubahan peringkat kesedaran (Mingat, 2016). Ichikawa (2007), majoriti masyarakat Iban telah menukar kepercayaan dari animisme kepada Kristian dari aspek kebudayaan tradisional, istiadat, tradisi perbualan dan fungsi ritual di dalam sosio budaya di rumah panjang. Kepercayaan animisme telahpun terbenam di dalam stail kehidupan masyarakat Iban.

Beberapa kajian lepas tentang animisme, ritual, simbol, identiti dan sankritisme oleh pengkaji dalam dan luar negara telah dibincangkan. Geertz (1960), terdapat persamaan di antara komuniti Mojukuto (Jepun) di dalam bukunya berjudul The Religion Of Java dengan komuniti Iban berdasarkan simbol yang terdapat di dalam kepercayaan animisme. Turner et al. (2017), proses ritual di kalangan orang Ndembu di Afrika Tengah datangnya dari keyakinan dalam agama dan kepercayaan. Perkara ini berkait rapat dengan amalan ritual komuniti Iban seperti *sabak bebuah, gawai antu, pelian* dan proses *miring.* Menurut Jesen (1974), persamaan elemen di dalam kepercayaan masyarakat Dayak di Indonesia dan masyarakat Iban di Sarawak. Kedua-dua komuniti tersebut tinggal di persekitaran dan kepercayaan animisme dan mempunyai kepercayaan yang kukuh terhadap Tuhan/*Petara.* Kedua-dua komuniti percaya terhadap natural dan super natural yang membawa pengaruh terhadap apa yang boleh dan tidak bolah dilakukan oleh komuniti tersebut.

Magiman (2012), menyatakan bahawa ritual adalah merupakan alat transformasi dalam sesebuah masyarakat dan setiap persembahan-persembahan ritual akan mengandungi unsur-unsur simbolik. Setiap perlakuan atau persembahan yang dijalankan adalah mengikut peraturan sosial yang telah dipersetujui di kalangan masyarakat tersebut dan akan menentukan sama ada perlakuan itu akan menjadi berkesan atau tidak. Perlakuan-perlakuan yang terdapat di dalam persembahan itu adalah merupakan simbol dalam proses penyatuan pemohon kuasa (manusia) dan pemberi kuasa (kuasa luar biasa atau kuasa ghaib).

Tugang (2014), masyarakat Iban menganut agama animisme dan menyembah kuasa luar biasa. Dari aspek agama dan kepercayaan, masyarakat Iban boleh dibahagi kepada dua golongan utama, iaitu golongan yang menganut agama besar, khususnya agama Kristian dan Islam dan golongan yang masih mengamalkan agama dan kepercayaan warisan yang telah dianuti zaman lampau. Agama masyarakat Iban tradisional meliputi kepercayaan kepada kewujudan alam ghaib dan kuasa luarbiasa yang terdiri daripada *petara-petara* (Tuhan-Tuhan), dewa-dewi, *antu*, semangat yang baik dan jahat dan roh nenek-moyang mereka yang telah lama meninggal dunia. Masyarakat Iban mempercayai bahawa *petara* adalah pencipta alam nyata dan alam ghaib serta penghuni alam semesta yang dirujuk sebagai benda-benda hidup (termasuk manusia) dan bukan hidup. Unsur-unsur animisme dalam agama mereka menyebabkan kepercayaan bahawa setiap objek yang dicipta oleh *petara* di dunia ini memiliki kuasa dan semangatnya masing-masing, sama ada semangat baik atau sebaliknya. Petara dan kuasa-kuasa luar biasa yang lain serta objek-objek tertentu perlu dihormati dan dipuja oleh masyarakat Iban menerusi ritual tertentu. Ritual-ritual itu dilakukan dengan tujuan memohon kebaikan, pengampunan, kebenaran dan keharmonian serta untuk menjaga keseimbangan dan hubungan baik antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam semesta dan manusia dengan kuasa luar biasa.

Menurut Yonda (2016), masyarakat Iban mempercayai bahawa dunia adalah merupakan tempat di mana setiap objek mempunyai roh tersendiri, di dalam aktiviti seharian, roh manusia (*mensia*) dan juga Tuhan atau roh (*petara/antu*) yang mendatangkan kesan antara satu sama yang lain. Maka dari situlah wujudnya nilai budaya dan sekatan social (Effendy, 2006). Adalah juga dipercayai bahawa Tuhan/*Petara* mempunyai kepakaran fungsi dan kuasa.Terdapat dua Tuhan/*Petara* yang paling penting adalah *Simpulang Gana* (Tuhan untuk penanaman padi dan kesuburan tanah) *dan Singalang Burung* (Tuhan untuk peperangan serta menjaga kebajikan masyarakat Iban).Masyarakat Iban turut mempunyai kepercayaan yang kukuh bahawa setiap manusia memiliki roh tersendiri yang telah menjadi asas kepada pelbagai kepercayaan. Roh bagi masyarakat Iban berperanan sebagai media komunikasi bersama kuasa-kuasa yang tidak di ketahui melalui mimpi dan penemuan Tuhan/*Petara* bagi sesetengah yang bernasib baik. Melalui pengalaman di dalam mimpi maka wujudlah kesenian kreatif seperti menenun *'Kua Kumbu'*, tradisi lisan seperti *timang*, *pantun*, *ensera* dan *pelian*. Amalan di atas masih menjadi amalan utama bagi masyarakat Iban yang masih berpegang teguh terhadap kepercayaan animisme sehingga hari ini.

Menurut Walker (2005), perspektif sejarah, kehidupan adalah merupakan hasil pendekatan yang holistik terhadap kehidupan. Ianya adalah merupakan kesan daripada penekanan terhadap keinginan menyedari alam semulajadi, sosial dan persekitaran metasosial. Terdapat persamaan di antara Greek Klasik dan Iban Klasik, yang kedua-duanya menunjukkan minat yang sama terhadap alam semulajadi serta proses perubahan di dalam masyarakat. Kedua-dua masyarakat Greek Klasik dan Iban Klasik turut menunjukkan minat yang sama di dalam aspek mangsa yang terbunuh di dalam peperangan atau kemalangan. Di kalangan masyarakat Iban, tiada perkara berlaku tanpa sebab (*nadai utai nyadi ngapa*) maka ini telah menyebabkan mereka sentiasa sensitif terhadap setiap bahagian di dunia ini termasuk mempercayai pokok bercakap dan pasu mengerang.

Menurut Varney (2012), mempercayai bahawa roh bagi seseorang yang meninggal dunia akan bersambung kehidupannya di *sebayan* iaitu tempat kematian selepas kehidupan. Kenyataan tersebut telah disokong secara komprehensif oleh seorang penulis terkenal iaitu Clifford Sather tentang ritual Kematian Iban Saribas di dalam bukunya berjudul *Journeys Of The Soul* (1999) telah menyatakan roh si mati akan sampai di *sebayan* selepas menyeberangi sebatang jambatan kecil *(The Bridge Of Fear)* di mana jika mereka jatuh dari jambatan tersebut mereka akan kembali ke dunia nyata. Roh si mati juga turut bertemu dengan binatang-binatang buas dan berbisa seperti ular dan buaya. Setelah melimpasi jambatan tersebut roh si mati akan tiba di *sebayan* yang dipercayai menyamai dunia ini. Oleh yang demikian,

si mati dibekalkan dengan peralatan kehidupan seharian yang dinamakan *'baya'* bagi menyambung kehidupannya di *sebayan*. Masyarakat Iban turut mempercayai terdapat beberapa peringkat di *sebayan* sehingga roh si mati tiba di keadaan yang menyenangkan atau diberkati, satu tempat yang sunyi dan tenang, dinamakan '*mandai jenoh'*. Apabila tiba di situ, roh si mati akan dapat membantu ahli keluarga yang masih hidup, seperti meningkatkan hasil tuaian padi. Disebaliknya jika tuaian padi adalah tidak baik maka roh si mati dipercayai tidak kesampaian di *'mandai jenoh'*. Walau bagaimanapun, tidak terdapat sebarang idea yang jelas untuk menghakimi sama ada terdapatnya syurga atau neraka di dalam kepercayaan masyarakat Iban, walaupun telah menyeberangi jambatan ke *sebayan*. Kepercayaan ini masih tertanam di kalangan masyarakat Iban yang masih teguh berpegang kepada kepercayaan animisme.

Menurut Kiyai (2019), ritual adalah merupakan tatacara dalam upacara atau sesuatu perbuatan keramat yang dilakukan oleh sekelompok umat yang mempunyai pegangan agama yang sama. Ianya dilambangkan dengan unsur dan komponen seperti waktu, tempat, peralatan dan komuniti yang menjalankan upacara tersebut. Kenyataan ini bertepatan dengan ritual *pelian* di kalangan masyarakat Iban kerana *pelian* dipersembahkan sewaktu upacara kematian, di tempat kediaman (rumah panjang), memerlukan peralatan seperti *pua kumbu* dan parang serta dipersembahkan oleh *manang*. Ritual *pelian* turut dihadiri oleh seluruh ahli keluarga, saudara mara beserta komuniti sekeliling.

Bustaruddin Tugang (2016), menyatakan ritual bagi sesuatu upacara bertujuan untuk mendapatkan rezeki yang melimpah hasil dari sesuatu perbuatan .Beliau menyatakan bahawa ritual di dalam kehidupan manusia biasanya dilakukan semasa upacara kelahiran, pernikahan dan kematian.Dikalangan masyarakat Iban, turut mempunyai ritual mereka yang tersendiri mengikut jenis upacara yang di adakan.Seperti pada upacara kematian, masyarakat Iban yang menganuti kepercayaan animisme, mereka mengamalkan ritual *pelian* sebagai pelengkap kepada upacara tersebut.

Kepercayaan animisme di kalangan masyarakat Iban berhubung rapat dengan benda-benda hidup dan mati seperti binatang, burung, serangga, ular, pokok, bukit/gunung dan sungai yang dipercayai rapat dengan roh nenek moyang. Oleh yang demikian, pergerakan semua benda hidup akan menjadi perhatian, amaran dan petanda-petanda dalam kehidupan seharian. *Pelian* merupakan cara tunggal untuk memastikan roh si mati akan terpisah dari roh komuniti yang masih hidup supaya tidak mendatangkan sebarang gangguan yang tidak diingini kepada komuniti yang masih hidup.


3. Metodologi Kajian

Di dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan Kaedah Etnografi dengan menggunakan pendekatan Kualitatif untuk mengkaji tentang ritual, simbol serta proses *pelian* di kalangan masyarakat Iban. Di samping itu, ianya juga bertujuan mendapatkan maklumat tentang corak kepercayaan dan pemikiran masyarakat Iban yang masih berpegang teguh kepada kepercayaan animisme *(pengarap lama).*

Empat pendekatan yang telah digunakan adalah *Field Research / Field Work, Participant Observation,* Temu Bual dan Kaedah Perpustakaan. Pendekatan tersebut telah digunakan di seluruh Daerah Sebauh bagi mendapatkan maklumat kajian daripada informan-informan seperti *manang,* Ketua Masyarakat, Pengamal *pelian* dan masyarakat yang sedang menganuti kepercayaan animisme. Kajian ini telah bermula sejak bulan Januari 2019, meliputi seluruh kawasan Daerah Sebauh.

Di dalam proses menganalisis data untuk kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang berlandaskan kepada pemikiran positivisme yang memberi penekanan kepada aspek interpretif, deskripisi, induksi, *grounded theory* dan bagaimana manusia memahami dan memberi makna kepada kehidupanya. Selain itu, data yang diterima atau diperolehi tidak boleh dianalisis mengikut pemahaman sendiri tetapi mestilah mengikut pemahaman ahli komuniti yang dikaji.

Konsep dan Kerangka Teori yang digunakan adalah Model Simbol Ketuhanan (MSK) yang di bentuk dari asas Teori Turner (1967) dan diubahsuai oleh Magiman (2012) di dalam Model Ritual Simbol Kesucian (MRSK). Pada Model Simbol Ketuhanan (MSK) telah memperlihatkan peranan *manang* menggunakan proses *pelian* untuk memisahkan roh si mati dari roh komuniti yang masih hidup supaya tidak mendatangkan sebarang masalah kepada komuniti yang masih hidup. Kegagalan *manang* dalam proses *pelian* akan mendatangkan malapetaka seperti sakit dan gangguan dari roh si mati kepada komuniti yang masih hidup.



Rajah 2: Kawasan Kajian: Daerah Sebauh

4. Dapatan Kajian

Sejak berzaman yang lalu, *pelian* merupakan satu-satunya ritual penyembuhan dan pemisahan roh si mati dari roh komuniti yang masih hidup. Ritual *pelian* turut membantu untuk mengekalkan *ayu* (panjang umur) bagi seseorang individu yang menaruh penuh kepercayaan terhadapnya. Lazimnya, pengamal ritual *pelian* terdiri daripada masyarakat Iban yang masih mengamalkan *pengarap lama* (animisme). Bagi masyarakat Iban yang menganut agama kristian, ritual *pelian* telah lama ditinggalkan maka sebarang proses penyembuhan dilakukan mengikut cara masing-masing (mengikut ajaran kepercayaan mereka).

Kesemua 56 jenis *pelian* mempunyai fungsi atau peranan yang berbeza. Tidak semua *pelian* boleh digunakan untuk semua perkara. Sebagai contoh, *pelian Beserara Bungai* adalah untuk istiadat yang berhubung dengan kematian, *pelian Besudi'* adalah merupakan *pelian* untuk memohon kesihatan serta kesejahteraan dalam hidup. *Pelian Bebangun* adalah bertujuan untuk mengesahkan perlantikan bagi seseorang yang hendak menjadi *manang* dan *pelian Nimang Lupung Enggau Ubat* adalah merupakan *pelian* untuk memohon agar semua ubatan dan tangkal *manang* kekal berkesan atau mujarab sepanjang zaman.

Perlantikan sebagai seorang *manang* ditentukan melalui dua cara utama. Pertamanya adalah mewarisi ibu bapa yang telah menjadi *manang* dan keduanya adalah melalui lantikan oleh *petara* melalui mimpi. Seseorang *manang* yang dilantik melalui kedua-dua cara tersebut wajib melalui proses yang dinamakan *bebangun*. Selepas proses *bebangun*, seseorang *manang* akan mendapat bantuan daripada pembantunya yang bergelar '*yang*'. *'Yang'* kepada seseorang *manang* terdiri daripada binatang, ular atau apa sekalipun, akan membantu *manang* dalam urusan *pelian* yang biasanya berkomunikasi dan memohon kebaikan daripada *petara* (Tuhan). Sekiranya seseorang *manang* belum melalui proses *bebangun* maka *manang* tersebut digelar *manang mata'*. Manang yang seumpama ini akan tidak ada '*yang*' yang akan membantunya berurusan dengan *sebayan* sewaktu proses *pelian* dijalankan.

Semasa proses *pelian* dipersembahkan, roh *manang* akan pergi ke langit dan ke *sebayan*. Roh *manang* akan bertemu serta berurusan dengan *bunsu petara* yang bernama Raja Durung (Lupung Tibang Bebaring) dan isterinya Endu' Dara Talun Pelangka (Kuta Dinding Ari) serta lain-lain *petara* di langit. Di *sebayan* pula, *manang* perlu berjumpa dengan ketua *sebayan* bernama Raja Niram. Sekiranya *pelian* yang dijalankan oleh *manang* adalah *pelian Beserara Bungai*, *manang* akan berurusan dengan kumpulan *sebayan* untuk melakukan proses pemisahan roh si mati daripada roh komuniti yang masih hidup supaya tidak mendatangkan sebarang gangguan yang tidak diingini di masa-masa akan datang.

Satu keunikan pada setiap orang *manang* yang tidak terdapat pada manusia biasa adalah kebolehannya untuk membawa dirinya (rohnya) ke langit dan ke *sebayan*. Ini merupakan satu kebolehan yang luar biasa untuk membolehkannya memohon penyembuhan dari *petara*. Kebolehan *manang* berurusan dan berkomunikasi dengan *petara* melalui senikata *pelian* telah memudahkan proses tersebut. Berikut adalah contoh senikata (*leka*) *pelian* bagi *pelian Beserara Bungai*.

Contoh senikata *Pelian* (Bahasa Iban)

Lalu perejuk gantung Sebayan ke danjan dulu pumping,

Labuh di Bukit Riap-Riung,

Penuduk lupung karung entili benang,

Lalu betatam meh bala Sebayan,

Manggai di tuchung Merebung Bunga,

Entak enteran bujang Skrang,

Lalu bejaku' sida' ke punggu' dulu' lesi,

Sapa kitai kempang panggung berani,

Ngenchuri nanyi taking bunga rajang?

Sapa kitai kering nyelangking kijang?

Lalu angkat laki Indai Bilai,

Tuai orang di Gensarai Redak Tenchang,

Engkanjung Raja Menggung nyintak perapang pedang bejengkung,

……..

Terjemahan Senikata Pelian (dalam Bahasa Melayu)

Pada ketika itu dilompat sesuatu yang digantung oleh *Sebayan* yang telah lama meninggalkan dunia ini,

Jatuh di Bukit Riap-Riung (nama bukit di dunia *Sebayan*)

Tempat duduk bekas ubatan dibuat dari benang *entili* (sejenis pokok)

Pada ketika itu, kumpulan *Sebayan* berkumpul,

Sampai di kemuncak Merebung Bunga (nama bukit di dunia *Sebayan*),

Dipacak batang lembing oleh bujang Skrang (wilayah sungai),

Lepas itu, bercakaplah mereka yang telah lama meninggalkan dunia ini,

Siapa kita yang sanggup menunjukkan keberaniannya,

Mencuri tangkai bunga rajang?

Siapa kita kuat seperti kijang?

Pada ketika itu, suami Indai Bilai (Tuhan di Dunia Kematian) pun berdiri,

Ketua di Gensarai Redak Tanchang (tempat di Dunia Kematian),

Melompat Raja Menggung (Raja di Dunia Kematian) lalu mengeluarkan mata pedang yang berlengkung

……

Pada masa yang sama, kesemua simbol yang disediakan sebelum proses *pelian* turut memain peranan memudahkan semua urusan *manang* sama ada di langit mahupun di *sebayan*. Di antara simbol-simbol yang mesti disediakan sebelum proses *pelian* dimulakan adalah seperti *Pua Kumbu', Piring, Parang, Anak Kebuk* (tempayan kecil), ayam, *Pagar Api, Kain Sarung* dan *Kain Bedepa*. *Pua kumbu'* diperlukan sebagai pelindung roh *manang* daripada *sebayan* dan *antu jai*. *Piring* disediakan sebagai pemberian kepada *petara* dan *sebayan* yang dijemput hadir oleh manang ke upacara *pelian* tersebut. Parang berperanan sebagai *pengering semengat* (pengeras roh) *manang* supaya mampu bersama-sama *sebayan* dan *petara* yang hadir. Tanpa pengeras roh *manang* berkemungkinan akan *alah ayu* (rohnya lemah) dan akan jatuh sakit. *Anak kebuk* (tempayan kecil) disediakan sebagai bekas untuk *manang* melindungi *semengat* (rohnya) sendiri beserta dengan roh pesakit atau roh bagi seisi keluarga yang menggunakan khidmat *manang*. Pagar api didirikan sebagai pusat untuk meletakkan semua tangkal *manang* dan juga berperanan sebagai pusat ritual *pelian* dijalankan. Kain sarung dan *kain bedepa'* turut berperanan sebagai pelindung roh kepada *manang* dan diberi kepada *manang* sebagai upah selepas selesai proses *pelian* dijalankan.

4.1 Simbol-Simbol *Pelian*



(a)



(b)



(c)



(d)



(e)



(f)



(g)

Rajah 3: (a) *Pagar Api* (Pusat *Pelian* dijalankan); (b) *Pua Kumbu'* (Pelindung roh *Manang* dan penyapu *semengat*); (c) Parang (Pengeras roh *Manang*); (d) *Piring* (Pemberian kepada *Petara* dan *Sebayan*); (e) *Anak Kebuk* (Pelindung roh *Manang* dan pesakit); (f) Ayam (Untuk proses *Bebiau*); (g) Tangkal (Untuk mengubat pesakit (*engkerabun, pencelap, penabar mimpi, penabar burung*)

5. Kesimpulan

Pelian adalah merupakan salah satu daripada puisi rakyat di kalangan masyarakat Iban yang memerlukan *manang* untuk menyanyikannya. Senikata *pelian* disusun menurut senikata puisi rakyat yang menggunakan bahasa kiasan dan membawa maksud yang dalam serta menjurus ke alam *petara* (Tuhan) dan *Sebayan* (roh nenek moyang). Ritual *pelian* mempunyai beberapa tujuan seperti menghambarkan mimpi *jai* (mimpi tidak baik), menyembuhkan penyakit, memisahkan roh si mati dengan roh komuniti yang masih hidup dan untuk menyiri seseorang yang baharu sahaja menjadi seorang *manang*.

Di dalam *pengarap lama* (kepercayaan animisme), *semengat* (roh) bagi setiap manusia harusnya sentiasa bersama-sama tubuh badan seseorang tersebut. Oleh yang demikian, sekiranya *semengat* (roh) seseorang didapati berjauhan, liar dan meninggalkan tubuh badannya, maka seseorang tersebut akan jatuh sakit. Sama juga dengan keadaan *semengat* (roh) seseorang yang dimarahi atau dibawa oleh *antu* (hantu), berjauhan dengan tubuh badannya, seseorang tersebut akan menghadapi pelbagai masalah dengan kesihatannya dan boleh menyebabkan kematian. Satu lagi perkara yang dianggap sangat penting dalam kehidupan masyarakat Iban yang menganuti *pengarap lama* (animisme) adalah *ayu*, yang diterjemahkan atau ditafsir sebagai "***kehidupan***", "***kuasa kehidupan***" atau "***intipati kehidupan***". Menurut Sutlive & Sutlive (2001:83), di dalam perbincangan Uchibori tentang kematian, kepercayaan dan amalam telah ditulis seperti berikut:

> *The concept of ayu.....is rather vaguely defined as one's "life". Often it is equated with a person's life span (umur). A cognate term gayu ("a long life") is frequently mentioned in prayers (sampi) and thus points to the bliss for which the Iban implore various deities.*

Bagi seseorang yang tidak ada *ayu*, beliau akan jatuh sakit dan akan menyebabkan kematian. Pemberian nama yang tidak sesuai juga boleh menyebabkan kesihatan seseorang terganggu atau dinamakan *alah ayu*. Menurut kepercayaan *pengarap lama* (animisme), *ayu* tumbuh seperti buluh atau pisang di kawasan Bukit Merebung Jawa dan dijaga oleh Tuai Manang yang bernama Matai Tuai Raja Menjaya. Di dalam proses *pelian*, *manang* akan menghidupkan *ayu* pesakit dengan berhubung dengan Raja *Manang* yang bergelar Raja Menjaya. Hanya *manang* yang berkemampuan untuk meninjau, meneliti serta menangkap atau merampas kembali *semengat* (roh) dan *ayu* dari *antu* serta membawanya kembali dan menyimpannya pada tubuh badan seseorang yang sakit itu. Oleh yang demikian, istiadat *pelian* sememangnya membawa maksud dan fungsi kepada masyarakat Iban yang masih kekal dengan *pengarap lama*

(animisme). *Pelian* masih kekal sebagai satu-satunya ritual penyembuhan dari aspek kesihatan fizikal dan mental bagi masyarakat Iban.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan setinggi terima kasih serta penghargaan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Mohammad Maulana Magiman (Penyelia), Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan, UPM Kampus Bintulu, Sarawak, Dr Franklin Ragai Kundat (Pembantu Penyelia), Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Pertanian, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu, Sarawak, *Manang* Tedung Anak Giman (*Manang Nitar*), *Manang* Julin Anak Luyan, *Tuai Rumah* Puyu Anak Tedung, Puan Tambi Anak Ganai (Pengamal Ritual *Pelian*), *Tuai-Tuai Rumah* serta pengamal-pengamal *pelian* yang aktif di seluruh Daerah Sebauh, Sarawak. Kajian ini tidak mungkin berjaya tanpa kerjasama dari semua pihak di atas.

Konflik Berkepentingan

Para penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik berkepentingan yang wujud dalam penyelidikan ini.

Rujukan

Appell, G. N. (2001). Iban Studies: their contribution to social theory and the ethnography of other Borneo societies. *The encyclopedia of Iban Studies: Iban history, society and culture*, 741-785.

Buda, N. A., & Chuat, J. A. (2009). *Iban Pegai Rajah Brooke*. Pegari Iban Production.

Effendy, C. (2006). *Sastra sebagai wadah integrasi budaya*. STAIN Pontianak Press.

Freeman, D. (1992). *The Iban of Borneo* (No. 41). S. Abdul Majeed.

Geertz, C. (1960). The Javanese Kijaji: The changing role of a cultural broker. *Comparative Studies in society and history*, *2*(2), 228-249. https://doi.org/10.1017/S0010417500000670.

Jensen, E. (1974). The Iban and their religion. Clarendon Press.

Kiyai, G. (2019). Ritual Adat Kematian dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Artifak Iringan Tukang Sabak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, *4*(1).

Ichikawa, M. (2007). Degradation and loss of forest land and land-use changes in Sarawak, East Malaysia: a study of native land use by the Iban. In *Sustainability and Diversity of Forest Ecosystems* (pp. 403-413). Springer, Tokyo. https://doi.org/10.1007/s11284-007-0365-0.

Magiman, M. M. (2012). Ritual 'Makan Tahun'Masyarakat Kadayan di Kg. Selanyau Daerah Kecil Berkenu, Sarawak. *Unpublished doctoral thesis), Universiti of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia*.

Mingat, S. R. (2019). *Peribahasa Iban Terpilih: Analisis Berdasarkan Teori Etika Kewajipan Prima Facie* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).

Tugang, N. (2016). Nakar: Ritual Peralihan Status Penenun Pua Iban. *Borneo Research Journal*, *10*, 68-92.

Tugang, N. (2014). *Pua: identiti dan budaya masyarakat Iban*. Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Turner, V., Abrahams, R. D., & Harris, A. (2017). *The ritual process: Structure and anti-structure*. Routledge.

Turner, J. (1967). Point-symmetric graphs with a prime number of points. *Journal of Combinatorial Theory*, *3*(2), 136-145. https://doi.org/10.1016/S0021-9800(67)80003-6.

Sather, C. (2015). Monica Janowski, 2014, Tuked Rini, Cosmic Traveller. Life and Legend in the Heart of Borneo. *Borneo Research Bulletin*, *46*, 368-374.

Sutlive, V. H., & Sutlive, J. (Eds.). (2001). *Encyclopaedia of Iban Studies: OZ* (Vol. 3). Tun Jugah Foundation.

Varney, P. (2012). The modernization of Iban eschatology: Iban burial ritual and afterlife beliefs in contemporary Kuching. *Borneo Research Bulletin*, *43*, 134-162.

Walker, J. H. (2005). Hikayat Panglima Nikosa and the Sarawak Gazette: Transforming Texts in Nineteenth Century Sarawak. *Modern Asian Studies*, *39*(2), 427-460.

Yonda, D. R. (2016). Social transformation on traditional society (case study on Dayak Iban Society of Kapuas Hulu, Kalimantan Barat). In *International Conference on Ethics of Business, Economics, and Society Science* (pp. 452-460).